

Dalam iklan di bawah ini, terdapat tiga kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin iklan itu semula.

JOM MELANCONGI!

Pihak kami menyediakan pakej pelancongan di dalam negara yang menarik untuk anda.



- ➔ Pakej pelancongan ini adalah untuk 3 hari 2 malam.
- ➔ Harga termasuk bilik penginapan, pengangkutan, sarapan, makan tengahari, dan makan malam.



- Diiringi pemandu pelancong.
- Jadual percutian yang terancang.
- Harga pakej yang berpatutan.

Untuk tempahan, e-mail ke kembara • santai@gmail.com

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____

[3 markah]

PRAKTIS 5

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Pasca siswazah kini tidak harus terlalu memilih pekerjaan sekiranya tidak mahu bergelar penganggur.
- _____
- (ii) Terombo karang akan membiak dengan cepatnya di dalam air yang jernih dan ditembusi oleh cahaya matahari.
- _____
- (iii) Syarikat-syarikat gergasi dalam industri pembuatan dan pemprosesan mencatatkan keuntungan yang lumayan pada akhir tahun lepas.
- _____

Dalam iklan di bawah ini, terdapat tiga kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin iklan itu semula.

JUALAN GUDANG

Pihak kami akan mengadakan jualan gudang khusus
untuk pelanggan-pelanggan istimewa kami.
Terdapat pelbagai barangan berkualiti yang dijual dengan
harga yang sangat rendah sedia untuk dimiliki.

Tarikh:
10 Februari hingga 11 Februari 2019
Masa:
9:00 pagi hingga 8:00 malam
Tempat:
Pekarangan Pasar Raya Hebat

Pilihan barangan yang ditawarkan:

- Pakaian • Aksesori • Mainan
- Peralatan Elektrik • Perabot • Alat tulis
- Perkakas dapur • Bahan bacaan

**Setok
terhad!**

Dapatkan segera
sebelum kehabisan!

Diskaunt
sehingga

70%

Yang Menarik Menanti Anda!

- ✓ Cabutan bertuah
- ✓ Pertandingan Mewarna
- ✓ Gerai jualan makanan dan minuman



- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____

PRAKTIS 1

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 "Segeralah persiapkan kelengkapan untuk menyambut kepulangan putera _____," titah tuanku kepada Bendahara.
A aku C beta
B kita D saya

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah ini.




- 2 Pemancing itu _____ kailnya apabila umpan kailnya diragut oleh ikan.
A menarik
B menegang
C memintal
D menyentak
- 3 Tayar motosikal abang _____ kerana tercucuk paku di atas jalan.
A susut C kempis
B lembik D bengkok
- 4 Shuib selalu teringat _____ kenangan sewaktu bercuti di perkampungan Orang Asli itu.
A akan
B dengan
C kepada
D terhadap

- 5 Nek Som menanam tiga _____ serai di tepi perigi.
A petak
B batang
C rumpun
D longgok

- 6 Sekumpulan pegawai alam sekitar sedang membuat _____ di sungai yang tercemar itu.
A kajian C siasatan
B intipan D andaian
- 7 Encik Ramesh pulang awal kerana dia hanya bekerja _____ hari.
A semua
B seluruh
C setengah
D sesetengah

Soalan 8 berdasarkan gambar di bawah ini.



- 8 Peserta acara lompat pagar itu _____ untuk memenangi tempat pertama.
A tolak-menolak
B kejar-mengejar
C asak-mengasak
D tangkis-menangkis

PRAKTIS 2

Ayat-ayat di bawah ini mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditanda dengan A, B, atau C. Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan dalam ayat berkenaan.

- 1 Setelah berkhidmat di kawasan pedalaman selama lima tahun, akhirnya beliau dipindahi ke bandar yang berhampiran. Tiada kesalahan.
A B C D
- 2 Beraneka jenis kuih-muih tradisional Melayu dihidangkan oleh Puan Roslinda kepada tetamu yang berkunjung ke rumah baharunya. Tiada kesalahan.
A B C D
- 3 Keadaan balai raya itu tidak terurus, semak samun tidak tertebang, dan tingkapnya pula sentiasa tertutup. Tiada kesalahan.
A B C D
- 4 Pesawat daripada Alor Setar telah selamat mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur pada pukul 6:00 petang. Tiada kesalahan.
A B C D
- 5 Atlet yang tersohor itu tidak dapat berlari dengan lancarnya kerana halangan angin yang bertiup kencang dari arah bertentangan. Tiada kesalahan.
A B C D
- 6 Baginda telah berkenan untuk mencemar duli bagi menyempurnakan majlis pertandingan berbalas pantun itu. Tiada kesalahan.
A B C D
- 7 Saban hari, media massa sama ada media cetak ataupun media elektronik sering menguar-uarkan masalah gejala sosial di dalam kalangan remaja. Tiada kesalahan.
A B C D
- 8 Kerja-kerja pembersihan tapak dilakukan oleh buruh pembinaan itu sebelum proses penanaman cerucuk dimulakan. Tiada kesalahan.
A B C D

Padankan (✓) bagi kata sendi nama yang betul berdasarkan ayat di bawah ini.

- (i) Cikgu Chong mengingatkan murid-muridnya supaya menyerahkan kad laporan kemajuan mereka _____ ibu bapa atau penjaga masing-masing.
pada () kepada () dengan ()
- (ii) Juara Akademi Teater itu menerima hadiah yang berupa percutian _____ negara Eropah selama tiga hari dua malam.
ke () di () dari ()
- (iii) Pegawai Alam Sekitar itu sedang memberikan ceramah _____ cara-cara menjaga alam sekitar dan kepentingannya.
bagi () dengan () tentang ()

[3 markah]

PRAKTIS 5

Padankan kata majmuk yang sesuai berdasarkan ayat yang diberikan.

(i) _____ di pusat bandar menjadi lebih lancar dengan adanya jalan-jalan sehalu.		daya cipta
(ii) Hasil kraf tangan yang dipamerkan itu membuktikan bahawa masyarakat Malaysia mempunyai _____ yang hebat.		Orang gaji
(iii) Gadis itu memakai _____ hitam bagi melindungi matanya daripada panas matahari.		Lalu lintas
(iv) _____ Encik Hashim terpaksa dihantar pulang ke negara asalnya kerana ibunya sedang sakit tenat.		kaca mata

[4 markah]

PRAKTIS 6

Pilih kata adjektif yang sesuai berdasarkan ayat di bawah ini.

- (i) Titi yang berusia dua belas tahun itu sudah _____ (rapuh, rangup) dan sangat berbahaya untuk dilalui.
- (ii) Terjahan _____ (kesat, keras) pemain pertahanan pasukan itu terhadap penyerang pasukan lawan menyebabkan dia dilayani kad kuning.
- (iii) Ibu memuji kakak kerana ubi keledak yang direbusnya begitu _____ (empuk, lembut).